

LEMBAGA URUS AIR SELANGOR
(UNIT KORPORAT)

AKHBAR : KOSMO

TARIKH : 03 JULAI 2017

KERATAN AKHBAR

16 NEGARA! KOSMO! ISININ 3 JULAI 2017

GPS berjaya kesan kebocoran paip saluran kumbahan di kolam takungan banjir

Sungai Semenyih nyaris tercemar

Oleh MUSTAPA LAKAWA

KAJANG — Tindakan pantas sekumpulan aktivis alam sekitar daripada Gagasan Prihatin Semenyih (GPS) mengesan kebocoran paip saluran kumbahan berjaya menyelamatkan kolam takungan banjir di Taman Desa Mewah, Semenyih di sini daripada terus tercemar.

Pencemaran itu juga bakal menjejaskan kualiti air Sungai Semenyih kerana air dari kolam takungan banjir tersebut akan mengalir terus ke sungai berdekatan.

Jika keadaan itu berlaku, ia akan menjejaskan operasi Loji Rawatan Air Sungai Semenyih yang membekalkan air bersih kepada kira-kira 1.8 juta pengguna di seluruh Selangor.

Pengerusi GPS, Azman Ahmad (gambar kecil) berkata, kebocoran paip saluran kumbahan bawah tanah itu dipercayai pecah sejak beberapa bulan lepas, namun hanya dikesan oleh pasukan pemantauan GPS pada Khamis, minggu lalu.

Menurutnya, kawasan paip yang pecah itu telah membentuk satu lubang yang mengeluarkan cecair berwarna hitam serta berbau busuk dipercayai sisa kumbahan daripada kawasan perumahan.

"Kedalaman lubang yang mengandungi cecair hitam itu kira-kira satu meter dan airnya telah mengalir ke dalam kolam takungan banjir.

"Kami bimbang jika kolam takungan ini penuh, maka sisa kumbahan tersebut akan mengalir terus ke sungai-sungai berhampiran terutamanya Sungai Semenyih," katanya ketika ditemui selepas melakukan tinjauan ke kolam takungan banjir di sini semalam.

Azman memberitahu, sebab mendapat maklumat mengenai kebocoran paip saluran kumbahan itu, pihaknya berhubung dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) untuk tindakan lanjut.

Menurutnya, pegawai SPAN bersama kakitangan Indah Water Konsortium (IWK) telah datang membuat pemeriksaan dan mengesahkan berlakunya kebocoran pada paip saluran kumbahan tersebut.

"Kami juga meminta pihak berkuasa tempatan termasuk agensi berkaitan membuat pemantauan di sekitar kolam takungan banjir ini kerana berlaku tanah mendap selain pari-parit yang mengalirkan cecair seolah-olah sisa bahan kimia dan air sabun ke dalam kolam," ujarnya.

Sementara itu, Koordinator Program Penjagaan Sungai daripada Global Environment Centre, Dr. K. Kalithasan menekankan betapa pentingnya kerjasama antara pihak komuniti setempat dengan agensi kerajaan dalam mengawal sebarang aktiviti pencemaran.

Katanya, senario yang berlaku ketika ini ialah kebanyakan komuniti hanya akan bertindak balas apabila bekalan air terputus, sedangkan mereka tidak tahu punca di sebalik kejadian itu.

Dalam pada itu, Eksekutif Wilayah Tengah SPAN, Shariful Sharizan Anuari yang turut meninjau lokasi pencemaran memberi jaminan pihak TWK akan melakukan kerja-kerja baik pulih di kawasan paip saluran kumbahan yang terjejas hari ini.

Ujarnya, kerja-kerja pembaikan tersebut dijangka siap dalam tempoh 24 jam.



KAWASAN kolam takungan banjir yang tercemar dengan sisa kumbahan di Taman Desa Mewah, Semenyih, Kajang.



OPERASI Loji Rawatan Air Sungai Semenyih akan terjejas jika air Sungai Semenyih tercemar. — Gambar hiasan



AZMAN (dua dari kanan) dan Kalithasan (tiga dari kanan) meninjau kawasan kebocoran paip saluran kumbahan yang mengakibatkan pencemaran kolam takungan banjir di Taman Desa Mewah, Semenyih, Kajang semalam.